

KEMPEN CONNECT 12 HARI MENJELANG KRISMAS

Last Updated on 12 November 2021

TEMPOH KEMPEN

“Kempen Connect 12 Hari Menjelang Krismas” (“Kempen”) Hong Leong Bank Berhad (193401000023 (97141-X)) (“HLB”) dan Hong Leong Islamic Bank Berhad (200501009144 (686191-W)) (“HLISB”) (“selepas ini secara kolektif dirujuk sebagai “Bank”) bermula pada 13 Disember 2021 dan berakhir pada 24 Disember 2021, termasuk kedua-dua tarikh (“Tempoh Kempen”), melainkan diberitahu sebaliknya.

TERMA & SYARAT

Berikut ialah terma dan syarat yang terpakai untuk Kempen ini (“T&S”):

KELAYAKAN

- Kempen ini terbuka untuk para pelanggan Bank (“Pelanggan”) yang:
 - pengguna Perbankan Dalam Talian HLB Connect dan/atau Aplikasi Connect (“HLB Connect”) dengan Akaun Semasa atau Simpanan HLB/Akaun-i Semasa atau Simpanan (“CASA/CASA-i”) sebelum atau semasa Tempoh Kempen; dan
 - Pelanggan CASA/CASA-i sedia ada dan baharu yang belum mendaftar dengan HLB Connect semasa Tempoh Kempen.
- Bank berhak untuk membatalkan mana-mana Pelanggan:
 - yang telah melakukan, atau kini disyaki melakukan tindakan penipuan, menyalahi undang-undang atau salah berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberikan oleh Bank;
 - yang menghadapi prosiding muflis atau telah diisytiharkan muflis sama ada sebelum, semasa atau selepas Tempoh Kempen; dan
 - yang telah melanggar mana-mana terma dan syarat CASA/CASA-i pada bila-bila masa sebelum atau semasa Tempoh Kempen.
- Pelanggan yang memenuhi syarat kelayakan di atas boleh menyertai Kempen ini.

TATACARA KEMPEN

- Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan perlu:
 - mendaftar dan/atau log masuk ke HLB Connect; dan
 - melakukan Transaksi yang Layak (seperti yang dinyatakan dalam Jadual 2 di bawah) melalui HLB Connect semasa Tempoh Kempen untuk mendapatkan mata penyertaan.

(selepas ini dirujuk sebagai “Pelanggan yang Layak”)

- Pelanggan yang Layak yang memenuhi syarat yang ditetapkan pada Klausa 4 di atas akan layak memenangi Hadiah-hadiah yang tersenarai atau Pulangan Tunai seperti yang dipaparkan dalam Jadual 1 di bawah.

Jadual 1

Tarikh	Hadiah/Pulangan Tunai	Kuantiti (unit)	Bilangan Pemenang
13 Disember 2021	Pulangan Tunai RM150	88	88
14 Disember 2021	Vakum Dyson Micro 1.5kg (bernilai RM2,000 setiap satu)	6	6

15 Disember 2021	Samsung Galaxy Watch 3 (bernilai RM1,300 setiap satu)	10	10
16 Disember 2021	Pulangan Tunai RM150	88	88
17 Disember 2021	Samsung Galaxy Z Flip 3 5G (bernilai RM4,000 setiap satu)	3	3
18 Disember 2021	Pembersih Udara Dyson (bernilai RM3,200 setiap satu)	4	4
19 Disember 2021	Pulangan Tunai RM300	40	40
20 Disember 2021	Vakum Dyson Micro 1.5kg (bernilai RM2,000 setiap satu)	6	6
21 Disember 2021	Samsung Galaxy Watch 3 (bernilai RM1,300 setiap satu)	10	10
22 Disember 2021	Pulangan Tunai RM300	40	40
23 Disember 2021	Pembersih Udara Dyson (bernilai RM3,200 setiap satu)	4	4
24 Disember 2021	Vakum Dyson Micro 1.5kg (bernilai RM2,000 setiap satu)	6	6

6. Jumlah peruntukan Hadiah dan Pulangan Tunai bagi Kempen ini terhad kepada Seratus Lima Puluh Ribu Ringgit Malaysia (**RM150,000**).
7. Hadiah dan Pulangan Tunai akan diberikan mengikut siapa cepat dia dapat sehingga bilangan Pemenang harian telah dipenuhi mengikut kaedah pemilihan pemenang yang dinyatakan di bawah.
8. Setiap Pemenang layak menerima hanya Satu (1) Hadiah atau Satu (1) Pulangan Tunai sepanjang Tempoh Kempen. Hadiah dan Pulangan Tunai tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak ketiga dan tidak boleh ditukar dengan wang tunai, kredit, cek atau manfaat yang sama nilai.

Pemilihan Pemenang

9. Sebagai sebahagian daripada proses pemilihan pemenang, Bank akan memperuntukkan mata kepada setiap Pelanggan yang Layak bagi setiap Transaksi yang Layak yang berjaya dilakukan semasa Tempoh Kempen seperti ditunjukkan dalam Jadual 2 di bawah.

Jadual 2

Transaksi yang Layak	Mata untuk Diperoleh (setiap Pelanggan yang Layak)
Mendaftar dan log masuk ke HLB Connect Online buat pertama kali	40 mata (setiap pendaftaran yang berjaya)
Mendaftar dan/atau log masuk ke Aplikasi HLB Connect buat kali pertama	30 mata (setiap pendaftaran dan/atau log masuk yang berjaya)
Melakukan Pindahan Telegraf Luar Negara melalui HLB Connect Online	30 mata bagi setiap transaksi yang berjaya. *Maksimum 30 mata sepanjang Tempoh Kempen.
Meletakkan e-Deposit Tetap/ e-Deposit Tetap-i melalui HLB Connect <i>e-Deposit Tetap/e-Deposit Tetap-i dilindungi oleh PIDM sehingga RM250,000 bagi setiap pendeposit.</i>	30 mata bagi peletakan yang berjaya. *Maksimum 30 mata sepanjang Tempoh Kempen.

Memohon Pinjaman Peribadi/Pembiayaan Peribadi-i melalui HLB Connect	30 mata untuk penyerahan borang lengkap. *Maksimum 30 mata sepanjang Tempoh Kempen.
Memohon Kad Kredit HLB melalui HLB Connect	30 mata untuk penyerahan borang lengkap. *Maksimum 30 mata sepanjang Tempoh Kempen.
Memohon Akaun Simpanan Junior/Akaun Simpanan Junior-i melalui HLB Connect Online <i>Akaun Simpanan Junior/Akaun Simpanan Junior-i dilindungi oleh PIDM sehingga RM250,000 bagi setiap pendeposit.</i>	30 mata bagi setiap permohonan yang berjaya. *Maksimum 90 mata sepanjang Tempoh Kempen.
Melanggan ASNB melalui HLB Connect Online	20 mata bagi setiap langganan yang berjaya. *Maksimum 20 mata setiap hari sepanjang Tempoh Kempen.
Melakukan pindahan dana melalui DuitNow ke nombor mudah alih, nombor KP, nombor Pasport atau Nombor Pendaftaran Perniagaan melalui HLB Connect	10 mata bagi setiap transaksi yang berjaya. Maksimum 20 mata setiap hari sepanjang Tempoh Kempen.
Membuat bayaran menggunakan Imbas QR melalui Aplikasi HLB Connect	10 mata bagi setiap transaksi yang berjaya. *Maksimum 20 mata setiap hari sepanjang Tempoh Kempen.
Melakukan pembayaran bil dengan JomPAY melalui HLB Connect	10 mata bagi setiap transaksi yang berjaya. *Maksimum 20 mata setiap hari sepanjang Tempoh Kempen.
Melakukan tambah nilai mudah alih melalui HLB Connect	5 mata bagi setiap transaksi yang berjaya. *Maksimum 5 mata setiap hari sepanjang Tempoh Kempen.
Mengeluarkan wang melalui Pengeluaran ATM Connect pada Aplikasi HLB Connect	5 mata bagi setiap transaksi yang berjaya. *Maksimum 5 mata setiap hari sepanjang Tempoh Kempen.

10. Pelanggan yang Layak yang mengumpulkan mata tertinggi bagi hari daripada Transaksi yang Layak yang tersenarai dalam Jadual 2 akan dipilih untuk memenangi Hadiah/Pulangan Tunai harian ("**Pemenang Hadiah atau Pulangan Tunai**").

11. Sekiranya berlaku di mana dua (2) orang Pelanggan yang Layak atau lebih yang mengumpulkan mata tertinggi yang sama, Pelanggan yang Layak yang pertama mengumpulkan mata tertinggi daripada Transaksi yang Layak yang dilakukan akan dipilih sebagai Pemenang Hadiah atau Pulangan Tunai.

Hadiah Kempen dan Pengisian Pulangan Tunai

12. Pemenang Hadiah atau Pulangan Tunai akan dimaklumkan **melalui notis pemberitahuan dalam aplikasi/SMS/ e-mel** jika mereka dipilih sebagai Pemenang. Senarai Pemenang akan diterbitkan dalam www.hlb.com.my/ConnectXmas ("**Laman Web Kempen**") pada 31 Januari 2022.

13. Hadiah-hadiah akan dihantar ke cawangan Bank yang terdekat dengan alamat Pemenang Hadiah sebelum 28 Februari 2022 dan akan diambil oleh Pemenang Hadiah menggunakan kos

dan perbelanjaan mereka sendiri. Para Pemenang Hadiah perlu mengambil Hadiah sebelum 30 April 2022 dan sekiranya gagal, Hadiah akan dibatalkan.

14. Pulangan Tunai akan dikreditkan ke dalam CASA/CASA-i Pemenang Pulangan Tunai dengan Bank sebelum 28 Februari 2022.
15. Oleh yang demikian, Pemenang Pulangan Tunai perlu mengekalkan CASA/CASA-i yang sah dan aktif sehingga 28 Februari 2022. Sekiranya mereka gagal, Pulangan Tunai akan dibatalkan.
16. Menjadi kewajipan Pemenang Pulangan Tunai untuk menghubungi Bank sebelum 15 Mac 2022 jika Pulangan Tunai tidak diterima. Selepas tarikh ini, Pemenang Pulangan Tunai dianggap telah menerima Pulangan Tunai dan sebarang tuntutan pembayaran balik tidak akan diproses.
17. Bank berhak untuk menggantikan Hadiah dengan apa-apa barangan lain atau Pulangan Tunai yang sama nilai mengikut budi bicaranya yang mutlak.
18. Untuk mengelakkan keraguan, Bank tidak membuat apa-apa representasi atau jaminan tentang kualiti atau kesesuaian Hadiah (termasuk tetapi tidak terhad kepada kesahihan dan/atau penggunaan Hadiah dan tidak bertanggungjawab untuk menggantikan sebarang Hadiah yang hilang, dicuri atau rosak). Para Pemenang Hadiah hendaklah berurusan secara terus dengan peniaga bagi apa-apa pertanyaan, pertikaian atau tuntutan berkaitan Hadiah tanpa mendapatkan bantuan dari Bank.
19. Hadiah yang ditunjukkan dalam semua bahan bercetak dan/atau laman web Bank bertujuan sebagai ilustrasi semata-mata. Sebarang prop, aksesori atau peralatan yang ditampilkan dengan Hadiah dalam mana-mana bahan bergambar adalah untuk tujuan dekorasi dan tidak membentuk sebahagian daripada Hadiah.

Am

20. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan yang Layak bersetuju:
 - (i) bahawa mereka telah membaca, memahami dan menerima T&S dan bersetuju untuk terikat dengan T&S yang terkandung;
 - (ii) bahawa mereka telah membaca, memahami, menerima Notis Privasi Bank dan bersetuju untuk terikat dengan notis ini. Kedua-dua notis ini disediakan di laman web Bank (www.hlb.com.my / www.hlisb.com.my);
 - (iii) bahawa semua rekod tentang pengisian syarat yang dirakamkan oleh sistem Bank dalam Tempoh Kempen dan pemilihan Pemenang hadiah dan Pemenang Pulangan Tunai adalah tepat dan muktamad;
 - (iv) bahawa keputusan Bank tentang semua perkara berkaitan Kempen adalah muktamad, tidak boleh dipertikaikan dan terikat bagi semua Pelanggan;
 - (v) untuk memberi kebenaran kepada Bank untuk mendedahkan nombor mudah alih kepada M3 Technologies (Asia) Berhad (199901007872 (482772-D)) dan/atau Infobip Asia Pacific Sdn Bhd (898379-U) dan/atau alamat e-mel mereka kepada DCatalyst Sdn Bhd (200801017996), vendor yang dilantik oleh Bank untuk menyediakan perkhidmatan SMS dan/atau e-mel bagi Kempen ini;
 - (vi) bertanggungjawab menyediakan butiran hubungan mereka yang sah dan terkini untuk Bank termasuk nombor mudah alih dan alamat e-mel, dan segera memaklumkan Bank sekiranya berlaku perubahan;
 - (vii) mengakses Laman Web Kempen pada selang masa yang kerap untuk melihat T&S Kempen ini dan untuk memastikan mereka mengetahui sebarang perubahan atau perbezaan terkini mengenai T&S tersebut; dan
 - (viii) bertanggungjawab dan secara peribadi menanggung semua cukai, yuran kerajaan atau sebarang bayaran lain yang berkaitan yang dikenakan terhadap mereka oleh undang-undang yang terpakai, sekiranya ada, berhubung dengan penyertaan mereka dalam Kempen ini.
21. Bank berhak:

- (i) dengan memberikan notis awal kepada Pelanggan untuk menambah, memadam, menggantung atau mengubah T&S yang terkandung di sini, sama ada secara keseluruhan atau sebahagian, atau menamatkan Kempen dengan memaklumkan menerusi Laman Web Kempen;
 - (ii) untuk membatalkan Hadiah/Pulangan Tunai sekiranya Pelanggan tidak mematuhi T&S yang terkandung, Terma dan Syarat yang mentadbir Transaksi yang Layak yang berkaitan dan semua undang-undang/peraturan lain yang terpakai; dan
 - (iii) untuk menggantikan Hadiah dengan apa-apa barangan lain yang sama nilai mengikut budi bicaranya.
22. Sebagai tambahan kepada T&S yang dinyatakan di atas, Pelanggan bersetuju bahawa Terma dan Syarat yang mentadbir Transaksi yang Layak yang berkaitan hendaklah dibaca bersama-sama dengan T&S ini sebagai keseluruhan perjanjian. Sekiranya terdapat percanggahan antara T&S yang terkandung, dan Terma dan Syarat yang mentadbir Transaksi yang Layak yang berkaitan, T&S tertentu yang terkandung di sini akan diutamakan bagi meliputi percanggahan tersebut.
23. Sekiranya terdapat percanggahan antara T&S ini dengan mana-mana iklan, promosi, publisiti dan bahan lain berhubung atau berkait dengan Kempen ini, T&S terakhir pada Laman Web Kempen akan digunakan.
24. T&S ini akan ditadbirkan dan dianggap mematuhi undang-undang Malaysia dan Pelanggan bersetuju untuk menghormati bidang kuasa Mahkamah Malaysia.
25. Kata-kata yang menandakan satu jantina merangkumi semua jantina yang lain dan kata-kata yang menandakan yang tunggal merangkumi jamak dan begitu juga sebaliknya.

Jika anda ada sebarang pertanyaan tentang T&S ini, sila e-mel kepada kami di hlonline@hlbb.hongleong.com.my atau hubungi 03-7626 8899.